**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**
**(Director General of Lands and Mines)**
Aras 3, Podium 1, Menara PETRA
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8871 2603
Faks : 03-8899 3855
Web : www.jkptg.gov.my

Rujukan Kami : JKPTG.BPPT.600-1/1/2 Jld. 4 (10)
Tarikh : 29 Januari 2026

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 1/2026:**

**TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR ATAU PENTADBIR TANAH DALAM MEMBERI KESAN KEPADA ARAHAN ATAU PERINTAH DARIPADA MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MENURUT SEKSYEN 421A KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia Bilangan 2/2025 yang diadakan pada 4 November 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita Jabatan ini ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan kepada peruntukan seksyen 421A Kanun Tanah Negara [Akta 828] yang merupakan peruntukan penting dalam mengiktiraf Mahkamah Syariah sebagai "Mahkamah" bagi maksud pelaksanaan perintah berkaitan pendaftaran tanah di bawah Kanun Tanah Negara. Peruntukan ini diperkenalkan melalui Akta A832 pada tahun 1993 susulan pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang memasukkan Fasal (1A) melalui Akta A704 pada tahun 1988. Pindaan tersebut menegaskan pengasingan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, sekali gus menuntut supaya keputusan dan perintah Mahkamah Syariah yang sah dapat dikuatkuasakan tanpa sebarang halangan di Pejabat Tanah.

3. Melalui seksyen 421A, Parlimen telah dengan nyata memperluaskan takrif "Mahkamah" bagi maksud seksyen 417 dan 420 Kanun Tanah Negara supaya merangkumi Mahkamah Syariah. Sehubungan itu, Pendaftar atau Pentadbir Tanah mempunyai kewajipan statutori untuk memberi kesan kepada arahan atau perintah Mahkamah Tinggi Syariah sama seperti pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi Sivil. Dalam hal yang berkaitan, seksyen 421A menjadi asas undang-undang yang mewajibkan Pentadbiran Tanah Negeri melaksanakan pendaftaran pindah milik, turun milik atau peletakhakan yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah tanpa mengenakan syarat tambahan yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang.

4. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa perintah Mahkamah Syariah berkaitan probet dan/atau surat kuasa mentadbir yang dikeluarkan berhubung dengan suatu kematian, perintah-perintah tersebut tidak boleh didaftarkan dan/atau dikuatkuasakan oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah memandangkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mengeluarkan perintah sedemikian. **Kuasa berkaitan probet dan surat kuasa mentadbir adalah bidang kuasa Persekutuan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan Senarai I perenggan 4(e)(i)**. Hal ini adalah bagi mengelakkan tindakan yang dibuat oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah menjadi satu tindakan yang *ultra vires* dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Pendaftar atau Pentadbir Tanah hendaklah memaklumkan atau menasihatkan pihak yang berkenaan supaya mendapatkan perintah pembahagian atau surat kuasa mentadbir sama ada daripada Pejabat Pembahagian Pusaka berkaitan atau Mahkamah Tinggi sewajarnya bagi tindakan seterusnya. Selain itu, sebagaimana kandungan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 7/2017, sijil atau perakuan faraid bagi harta pusaka orang Islam yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah juga tidak boleh didaftarkan oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah.

5. Berbeza dengan sumber perundangan sivil yang berasaskan *English common law and equity*, sumber perundangan syariah di Malaysia adalah berasaskan empat (4) sumber hukum yang utama dalam Islam iaitu Al Quran, Al Hadis, Ijma' Ulama' dan Qiyas. Berdasarkan bidang kuasa yang diberikan kepadanya menurut undang-undang, Mahkamah Syariah menghakimi kes-kes yang dirujukkan kepadanya dan keputusan, arahan atau perintah yang diberikan adalah bersandarkan sumber-sumber perundangan yang dinyatakan di atas.

6. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama/Undang-Undang Islam Negeri/Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), ketua atau pihak berkuasa tertinggi bagi agama Islam adalah Sultan, Raja, Yang di-Pertuan Besar termasuk Undang Luak dan Tunku Besar Tampin atau Yang di-Pertuan Agong. Dalam hal ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan atau Jemaah Menteri yang berfungsi menurut Akta 828 tidak mempunyai sebarang bidang kuasa ke atas pentadbiran agama Islam di Negeri atau di Wilayah Persekutuan.

7. Sehubungan itu, sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 421A Akta 828, Pendaftar atau Pentadbir Tanah hanyalah perlu melaksanakan dengan memberi kesan kepada perintah yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sama seperti tindakan-tindakan yang diambil menurut seksyen 417 atau 420 Akta 828. Pendaftar atau Pentadbir Tanah hendaklah memberikan perhatian bahawa perintah atau arahan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Syariah menurut Seksyen 421A Akta 828 masih tertakluk kepada sekatan atau halangan undang-undang seperti contoh Enakmen Rizab Melayu, Enakmen Pemegangan Tanah Adat dan Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok)1960 yang berkaitan tanah pegangan luar bandar/desa.

8. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini bolehlah dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Perundangan Tanah, JKPTG di talian 03-8871 2697 atau emel ke bppt@jkptg.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**

**Salinan Dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan

Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Penyelarasan dan Operasi

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengarah-Pengarah JKPTG Negeri & Wilayah Persekutuan